



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
Level 4, Block E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Laman Web : <http://www.moe.gov.m>

Ruj. Kami : KPM.800-1/1/1 Jld.3 (65)
Tarikh : 30 Oktober 2020

**Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**PENANGGUHAN PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS (PKSK)
TINGKATAN 4 TAHUN 2020**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2020 bertarikh 1 September 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di negeri Sabah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan telah dilanjutkan sehingga 9 November 2020. Susulan peningkatan kes Covid-19 di Seremban, Negeri Sembilan, Perintah Kawalan Pergerakan juga turut dilaksanakan di daerah tersebut sehingga 9 November 2020.

3. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan pengoperasian dan tadbir urus PKSK di seluruh negara, **pelaksanaan PKSK Tingkatan Empat bagi semua negeri yang dijadualkan bermula pada 2 November 2020 ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan.** YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan dimohon untuk mengambil maklum bahawa tarikh baharu pelaksanaan ujian akan turut mengambil kira situasi semasa Covid-19 di negara ini.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan, adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pengetua dan guru besar di bawah kawalan YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ADZMAN BIN TALIB)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia